

18/07/2000

IMU perlu banyak persediaan, prasarana

Anak-anak Mara

SAYA merujuk laporan Berita Harian bertajuk "Peluang pelajar Universiti Perubatan Antarabangsa (IMU) masih cerah" yang disiarkan pada 17 Mei lalu. Saya adalah abang kepada salah seorang dari kumpulan 34 pelajar tajaan Mara yang menuntut di universiti swasta itu. Apa yang ingin saya nyatakan di sini, diharap dapat diberi perhatian sewajarnya terutama dari pihak Mara ataupun IMU sendiri.

IMU adalah salah satu daripada institusi pengajian tinggi swasta yang begitu disegani terutama di dalam bidang kursus perubatan. Tidak hairanlah Mara sendiri memilih institut pengajian swasta itu untuk ditempatkan pelajar cemerlang tajaannya.

Kursus yang diikuti oleh adik saya pada mulanya adalah program ijazah berkembar antara IMU dan universiti luar negara. Pelajar akan mengikuti kursus selama dua setengah tahun di dalam negara dan baki dua setengah tahun lagi di universiti luar negara yang mempunyai perjanjian persefahaman dengan IMU. Kos pengajian untuk kursus perubatan sebagaimana yang dinyatakan di dalam surat perjanjian pinjaman pelajaran tawaran Mara adalah RM412,000. Sebagai keluarga petani dengan pendapatan bulanan kurang RM500 sebulan, kos pengajian yang hampir setengah juta ringgit itu adalah mustahil untuk disediakan. Kami sekeluarga bersyukur kerana mempunyai kerajaan yang begitu peka dengan masalah kewangan pelajar Bumiputera. Melalui Mara, pelbagai bentuk bantuan dan pinjaman diberikan kepada pelajar ke arah melahirkan golongan profesional Bumiputera seramai yang mungkin.

Kegawatan ekonomi yang melanda negara pada akhir tahun 1997 dan kejatuhan nilai ringgit menyebabkan kos pengajian di universiti luar negara meningkat sehingga empat kali ganda. Kerajaan terpaksa memutuskan untuk mengurangkan penghantaran pelajar ke luar negara untuk mengurangkan pengaliran keluar wang.

Langkah drastik yang diputuskan oleh kerajaan memberi keizinan kepada kolej swasta untuk menubuhkan universiti. Dengan itu program ijazah berkembar dapat dilakukan sepenuhnya di dalam negara. Malangnya, kajian terperinci tidak dilakukan sepenuhnya. Keupayaan kolej swasta untuk mengendalikan kursus peringkat ijazah masih diragukan. Kekurangan kemudahan prasarana, bahan rujukan dan kakitangan pengajar yang berpengalaman menimbulkan masalah kualiti pendidikan dan seterusnya pengiktirafan ijazah yang dikeluarkan. Di IMU sendiri contohnya, ijazah yang dikeluarkan belum lagi diiktiraf oleh kerajaan Malaysia. Ini disahkan sendiri oleh Pengerusi dan Ketua Eksekutif Lembaga Akreditasi Negara (LAN) iaitu Prof Dr Mohamed Sulaiman sebagaimana yang dilaporkan oleh Berita Harian. Masalah tenaga pengajar di IMU begitu meruncing sekali kerana kebanyakan pensyarah yang diambil adalah doktor yang mengajar secara sambilan. Apabila terdapat kes kecemasan yang memerlukan khidmat doktor itu, kuliah terpaksa dibatalkan. Kekurangan prasarana dan bahan rujukan pula menyebabkan pelajar hanya belajar melalui gambar pesakit tanpa berpeluang untuk menjalani latihan klinikal yang sempurna. Peluang untuk IMU lulus syarat kelulusan sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga Akreditasi Negara (LAN) juga agak sukar. Malah dilaporkan universiti awam yang juga menawarkan kursus perubatan seperti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Sains Malaysia (USM), juga enggan mengiktiraf pelajar IMU. Sekiranya pelajar ingin bertukar untuk menyambung pengajian di universiti awam itu, mereka terpaksa bermula dari tahun

pertama sebagaimana pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang lain.

Pandangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sewaktu pertemuan di antara kumpulan pelajar itu di Perhimpunan Agung Umno baru-baru ini ada benarnya. Sebagai rakyat Malaysia kita seharusnya yakin dengan mutu dan pendidikan negara sendiri. Kami sekeluarga juga yakin dengan mutu dan keupayaan universiti tempatan di dalam memberi pendidikan terbaik.

Tetapi persoalannya sekarang adakah universiti swasta juga mampu menyediakan mutu pendidikan sebagaimana universiti awam yang banyak mendapat bantuan dan subsidi daripada kerajaan. Untuk menubuhkan universiti tidaklah semudah yang dijangka.

Banyak persediaan dan modal diperlukan terutama di dalam menyediakan prasarana terbaik dan tenaga pengajar yang berkualiti. Perancangan rapi dan kajian mendalam perlu dilakukan terutama jika ia adalah universiti swasta yang pada masa yang sama juga ingin memikirkan keuntungan. Alasan kegawatan ekonomi tidak seharusnya dijadikan alasan untuk memberi kelulusan atau lesen kepada kolej swasta untuk menubuhkan universiti.

Kumpulan pelajar tajaan Mara yang menuntut di IMU sekarang adalah kumpulan pelajar yang dipilih berdasarkan keputusan SPM yang begitu cemerlang. Kebanyakan mereka adalah bekas pelajar Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) yang juga di bawah tanggungjawab Mara. Setelah sekian lama dibentuk dan dididik dengan harapan mereka dapat menjadi golongan profesional Melayu. Usaha ini disia-siakan dengan menempatkan mereka di universiti yang belum lagi mendapat pengiktirafan. Beban tekanan yang ditanggung pelajar juga seharusnya difikirkan oleh pihak Mara. Dengan usia pada awal 20-an mereka dibebankan dengan hutang pelajaran ratusan ribu ringgit. Setelah bertungkus-lumus memerah otak agar wang rakyat yang dibelanjakan oleh mereka tidak sia-sia; apa yang diperolehi adalah ijazah yang negara sendiri belum mengiktirafnya. Kesan dari tekanan ini mungkin akan menjejaskan prestasi dan motivasi untuk meneruskan pelajaran mereka.

Kami sekeluarga sedia maklum dengan masalah ekonomi yang melanda negara. Justeru itu, bukanlah niat kami untuk membantah saranan yang mahu rakyat Malaysia mengutamakan pendidikan di dalam negara sendiri. Tetapi apa yang kami risaukan adalah masa depan kumpulan pelajar itu. Tentunya sukar bagi mereka mendapatkan pekerjaan atau menyambung pelajaran dengan menggunakan ijazah yang tidak diiktiraf. Campur tangan dari pelbagai pihak diharap dapat memberi peluang kepada kumpulan pelajar mencari penyelesaian yang menguntungkan semua pihak baik dari pihak Mara ataupun IMU sendiri.